



PM nasihat orang ramai kurangkan aktiviti luar

KUALA LUMPUR - Susulan keadaan berjerebu yang melanda beberapa kawasan semalam, Datuk Seri Najib Tun Razak (**gambar**) menasihatkan orang ramai meminta orang ramai mengurangkan aktiviti luar.

“Saya lihat jerebu kembali di beberapa kawasan hari ini (semalam). Saya harap semua berjaga-jaga, terutama yang bekerja atau selalu berada di luar. Pakai topeng muka dan sebagainya. “Kegiatan fizikal di luar juga

terutama untuk warga emas dan anak-anak, wajar dikurangkan sekiranya kawasan sekitar mengalami jerebu teruk,” kata Perdana Menteri di akaun Twitter semalam.

Menurut portal Jabatan Alam

Sekitar, Pelabuhan Klang, Selangor dan Miri, Sarawak mencatatkan Indeks Pencemaran Udara tidak sihat pada pukul 12 tengah hari semalam dengan bacaan masing-masing 105 dan 146. - Bernama

Pembakaran hutan, tanah gambut punca IPU di Pelabuhan Klang, Miri tidak sihat

Jerebu melanda negara lagi



KUALA LUMPUR – Cuaca panas dipengaruhi El Nino yang sedang melanda negara bertambah buruk apabila beberapa kawasan di Lembah Klang dan Miri, Sarawak mencatatkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat semalam ekoran berlaku kebakaran hutan dan tanah gambut.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar (**gambar kecil**) berkata, ekoran pembakaran terbuka tersebut, Pelabuhan Klang di Selangor dan Miri mencatatkan bacaan IPU tidak sihat iaitu 105 dan 143 pada pukul 12 tengah hari.

“Keadaan berjerebu yang sedang melanda beberapa kawasan di Selangor, Pahang dan ibu negara disahkan berpunca daripada asap kebakaran yang berlaku di beberapa kawasan di Semenanjung seperti kebakaran hutan tanah gambut di Kuala Langat dan hutan di Sepang.

“Turut menyumbang kepada jerebu ialah pelepasan asap ken-



ANGGOTA memadamkan kebakaran hutan di Bekenu, Miri semalam.

deraan dan sisa industri di Lembah Klang,” kata beliau dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.


Bagi keadaan di Miri pula, Wan Junaidi memberitahu, kebakaran hutan di kawasan Bekenu dan Marudi di negeri itu telah mempengaruhi keadaan berjerebu.

Kata beliau, tiada kes jerebu merentas sempadan direkodkan kerana negara masih berada dalam musim peralihan monsun yang dijangkakan be-

rakhir pada pertengahan Mei ini.

Sehubungan itu, beliau berkata, semua pihak diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah dan premis mereka diceroboh dan menyebabkan pembakaran terbuka.

Sementara itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat di Semenanjung merekodkan tujuh kebakaran terbuka sedang berlaku iaitu masing-masing dua di Selangor dan Pahang serta masing-masing satu di Kelantan, Johor dan Terengganu.



KEADAAN berjerebu yang melanda Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 di Sepang semalam.

kosmo
23/4/2016
ms 3

INFO **Bacaan IPU**
22 April 2016

Miri	-	144
Pelabuhan Klang	-	107
Cheras	-	108
Putrajaya	-	103
Shah Alam	-	90
Nilai	-	86
Banting	-	83

Bacaan IPU

0 hingga 50	-	baik
51 hingga 100	-	sederhana
101 hingga 200	-	tidak sihat
201 hingga 300	-	sangat tidak sihat
301 ke atas	-	berbahaya

but diramalkan akan berkurangan apabila berlaku peralihan angin.

Selain itu, kata beliau, kawasan yang terbakar itu juga dicatatkan tidak menerima hujan sembilan hari berturut-turut ekoran gelombang haba yang dibawa fenomena cuaca panas melampau yang sedang melanda negara ketika ini.

Kebakaran hutan tanah gambut di Kuala Langat dikatakan sudah memusnahkan 20 hektar hutan manakala kebakaran di Bekenu dan Merudi pula melibatkan kawasan seluas lebih 200 hektar.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail berkata, keadaan jerebu yang sedang melanda itu hanyalah bersifat sementara dan tidak akan merebak ke seluruh negara.

Menurut beliau, jerebu terse-